



Tahun 2. No. 22

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

1 January, 1958

LAWATAN RASMI SULTAN KA-BANGAR, TEMBURONG



DYMM Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah melangsungkan satu lawatan-nya yang rasmi ka-Pekan Bangar Daerah Temburong, Brunei baharu2 ini. Duli Yang Maha Mulia itu telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Pemancha; Yang Berhormat Pengeran Mohd. Yusuf A.R. dan Juru Iring kepada Baginda, Inche' Abba's bin Haji Ibrahim, dan beberapa pengiring yang lain.

Ketiba'an Baginda ka-Bangar telah di-alu2kan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Yang Berhormat Pengeran Ahmad bin Pengeran Anak Haji Penghu-

lu2, Ketua2 Kampong dan Pegawai2 Kerajaan. Baginda telah disambut dengan penoh meriah oleh para penduduk di-Pekan Bangar dan tempat2 di-sagenap pekan itu.

Dalam hari yang bersejarah itu, selepas di-adakan Jamuan makan tengah hari, sharahan2 telah pun di-lafadzkan oleh wakil penghulu2 dan ketua2, wakil pegawai2 Kerajaan dan selepas itu Baginda sendiri menyampaikan titah-nya yang panjang lebar.

Dalam gambar di-atas kelihatan Tuan Imam Haji Panjang menyampaikan ucapan-nya sabagai wakil dari penghulu2 dan ketua2.

Dari D.Y.M.M. Sultan dan B.R.

Pelita Brunei

Menjelang keluaran ini menjelang-lah tahun baharu 1958, meninggalkan dengan sedeh tahun 1957, tahun yang mempunyai penoh riwayat dan sejarah bagi dunia luar umum-nya dan Negeri Brunei khas-nya.

Di-sini PELITA BRUNEI mengambil peluang menguchapkan Selamat Tahun Baharu kapada para penchinta Mujallah ini dan suluroh rakyat Brunei saterus-nya. Pelita Brunei berharap semoga bersama-lah kita berbeming tangan memasoki gerbang tahun 1958, dan mari-lah bersama menadah tangan berdo'a ka-hedzrat Tohan Yang Maha Isa agar tahun 1958 tahun yang akan membawa kita ka-arrah jalan kemajuan, kema'muran dan kebahagiaan'an, dan kesentosan

Dalam ruangan ini juga kaki tangan Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei mengambil kesempatan menguchapkan Selamat Tahun Baharu kapada sakelian para pemba-cha dan penchinta Mujallah ini dan kapada seluroh rakyat Brunei khas-nya. Selamat menempoh Tahun Baharu, selamat berbahagia dan selamat maju jaya.

- Pengarang -

1. TITAH DYMM:

Dengan ada-nya 'ilmu science yang modern maka dapat-lah saya pada hari yang pertama tahun baharu ini memberi ucapan kapada lebeh banyak lagi ra'ayat saya dari tahun2 yang lalu.

Tahun yang lalu telah menjadi satu tahun yang tetap menjadi kenangan2 di-sebabkan beberapa perkara. Dari sudut siasah, perhatian yang besar telah di-tumpukan terhadap chadangan2 saya mengenai perlambagaan yang baharu bagi Negeri Brunei, menandakan langkah yang besar menuju ka-arrah negara yang berpemerintahan democratic telah terchapai. Dari sudut economic kita ada mempunyai sebab2 kira-nya pun kita berbangga akan kejaya'an2 yang telah kita perolehi. Tidak ada satu negara yang berkeluasan sama atau berpenduduk sama dalam dunia ini yang telah dapat memberi faedah2 yang besar terhadap warga-negara-nya. Selain dari menchurahkan tenaga memperbesarkan ranchangan2 perkembangan, kita ada-lah salah satu negara di-Tenggara Asia ini yang mempunyai ranchangan perkembangan yang terbesar. Sedar-nya kita akan kechitekan kita dalam pelajaran maka kita juga telah membangunkan beberapa buah sekolah2 yang baharu, melateh guru2 dan menghantarkan murid2

yang berkelayakan menuntut ka-luar negeri.

Kita belum lagi kepenghujongan ranchangan untok membawa kita ka-arrah kedudukan dalam sudut apa jua yang akan membawa kita ka-lapangan yang berkechukupan dalamana penduduk2 negeri ini boleh menchapai atau mengechap kebahagiaan atau segala kemungkinan dalam lapangan perusaha'an ma'nusia. Walau pun demikian, peri bertimbang rasa kapada Kerajaan kamu ada-lah lebeh baik.

Tidak ada satu kerja yang boleh mendatangkan hasil sakira-nya tidak mempunyai kelengkapan yang mustahak. Tenaga kamu-lah serta keperchaya'an kamu-lah yang sangat2 di-kehendaki. Batu asas sa-sa-buah negara itu ia-lah bergantung kapada perindustrian penduduk2 negara itu. Maka oleh sebab itu-lah saya puhunkan kapada seluroh ra'ayat dan Pegawai2 Kerajaan berkerja sama dengan chukup

X LAWATAN RASMI SULTAN BRUNEI KA-BANGAR, TEMBURONG

Dalam satu lawatan rasmi Sultan Brunei ka-Bangar, Temburong baharu2 ini (lihat muka depan), Baginda telah di-sambut dengan penoh meriah oleh sa-bahagian besar penduduk di-situ dan telah di-ra'ikan dalam beberapa majlis2 sambutan. Majlis2 tersebut telah di-selanggarakan dan di-sediakan oleh penduduk2 di-situ termasuk Pegawai2 Kerajaan dan orang2 kampung.

Dalam lawatan yang bersejarah itu, setelah Jamuan makan berlangsung, antarlain pensharah2 di-wasa itu ia-lah Yang Mulia Tuan Imam Haji Panjang bersharah mewakili Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Temburong. Tuan Imam itu antara lain menguchapkan shukor kepada Allah yang menyampaikan hajat2 hamba-nya.

"Duli Yang Maha Mulia Tuanku Haulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, Yang Amat Mulia Duli Pengeran Pemancha, Pengeran2, Tuan2 serta saudara2 yang hadir pada masa ini." Demikian Tuan Imam Haji Panjang memulakan ucapan-nya.

Saterus-nya Tuan Imam berkata, "Ampun Tuanku lebeh dahulu patek2 menguchapkan shukor kahadzrat Tohan Rabbul 'Alamin yang telah menyampaikan hajat patek2 sekalian ini. Yang mana Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah sudi berchemar Duli Memijakkan kaki ka- pendalaman sa-bahagian dari Daerah Negeri Tuanku ini, ia-itu tempat patek bersemadi di-sini.

"Jamuan yang patek2 adakan hari ini harap kira-nya tuanku sudikan, sebab tuanku lebeh ma'alum akan pachal2 tuanku yang di-ulu2 sungai ini kurang faham dan belum mengerti apa2 pun, hanya dari kemahuan serta azam yang kuat dan guntong royong pachal2 tuanku, maka dapat-lah patek2 menunjokkan tanda ta'at setia pada hari ini.

"Ampun Tuanku, di-sini tidak-lah dapat patek rekamkan bagai- mana rasa sukachita dan kegembire'an patek2 semua atas kesempai- an tuanku ka-mari dan menyampaikan hajat maksud jemputan patek2 ra'ayat Duli Tuanku yang di-Ulu sungai ini. Tujuan patek2 semua

- sambongan dari muka 3 -

menjunjong tuanku ka-mari ia-lah kerana melepaskan nazar patek2 di-sini menguchapkan atas kaselamatan tuanku kembali ka-Tanah Ayer, setelah melawat selama lebeh kurang tiga bulan ka-Eropah. Salain dari itu sa-bahagian dari patek2 yang dudok di-Pendalaman sangat2-lah rindukan melihat wajah Duli Tuanku. Maka dengan ke-sampaian Duli Tuanku hari ini rasa-nya puas-lah sudah hati patek2 semua. Walau pun tuanku hanya berada di-dalam sadikit masa saha-ja. Ampun tuanku patek2 sangat-lah berbesar hati mendapat sa-orang Penghulu saperti Tuanku yang sudi berchampur dan sangat me-ngambil berat atas nasehat2 patek Ra'ayat tuanku, dan patek2 sangat bertuah telah dapat sa-orang Raja tempat patek2 mengadu. Tuanku ade-lah patek2 ibaratkan sa-pohon kayu yang rindang tempat bernaung di-kala panas terek dan di-kala hujan datang menchurah.

LANTEKAN2 BARU

1. Mr M.B. Douglas telah di-lantek menjadi sa-orang "Pharmaceutical Chemist" dalam Jabatan Perubatan Negeri Brunei mulai dari 18 hbl. Sept. 1957.

2. Dr F.E.V. Cant M.R.S.C., L.R.C.P. dari Rumah Sakit Brunei Shell Petroleum Compa-ny Limited di-Kuala Belait telah di-daftar-kan sabagai sa-orang Doktor dalam Negeri Brunei.

3. Dengan kebenaran dari Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam Majlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat Tuan British Resident dengan sukachita-nya melantek Mr Patrick G. MacAfee menjadi Magistrate Klas Dua mulai dari 4 hbl. December, 1957.

PELUANG DI-BUKA

Penuda penudi-ata-lah di-pelawa membuat permohonan kerana menia-di dresser atau juru rawat di-General Hospital Negeri Brunei. Sekatan umur ia-lah di-antara 18 dan 25 tahun.

--bersambong di-muka 6--


"Ampun Tuanku, kalau di-balek seja-rah asal bermula dari Sultan yang per-tama sahingga sampai hari ini, maka tuanku ada-lah sa-orang Raja yang tahu akan tanggung jawab, yang sabagai tu-rus Negeri yang sentiasa mengambil tahu nasib Ra'ayat dan suka mengikut perubahan zaman. Patek perchaya tujuan tuanku melawat ka-Eropah, bukan-nya sahaja hendak berehat, tetapi ia-lah hendak melihat chara pemerentahan sa-sa-buah negara yang telah lebeh jauh melangkah maju. Dan dari pengalaman serta pemandangan tuanku yang telah di-dapati itu akan dapat-lah menjadi perbandingan untuk kemajuan Negeri ini. Patek2 yang tinggal di-pendalaman ini penoh perchaya Negeri Brunei yang aman damai ini akan berubah chorak dari sa-masa ka-samasa berkat dari pimpinan tuanku. Patek2 perchaya dengan pimpin-an tuanku yang Negeri ini akan melang-kah ka-arrah kemajuan dengan pasti-nya. Mengikut langkah Negeri2 yang telah maju dan tuanku lihat.

"Ampun tuanku, sekian-lah sahaja uchapan yang dapat patek2 sembahkan. Patek2 memohonkan ampun dan ma'af kira-nya terdapat kekasaran bahasa dalam uchapan patek ini. Patek2 semua berdo'a ka-hadzrat Tohan ia-lah asa agar tuanku dan Permaisuri serta Pute-ra Puteri akan sentiasa kekal sehat memerintah di-atas singgahsana di-Negeri Brunei yang aman dan damai ini.

"Ampun Tuanku, beribu2 ampun sembah patek harapkan di-ampun. Patek pachal yang hina Ketua2 Kampong dan anak2 buah di-Daerah ini. Wassalamu 'Alaikum Wa-Rahmatul-Allahi Ta'ala Wa-baraka-toh."

PESUROH JAYA TINGGI NEGERI BRUNEI MEMEREKSA BARISAN KEHORMATAN -

Baharu2 ini Tuan Yang Terutama Sir Anthony F. Abell, Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei dan juga menjadi Gubernur Negeri



Sarawak telah tiba di-Lapangan Kapal Terbang di-berakas, Brunei dalam satu lawatan rasmi-nya ka-Brunei.

Satiba-nya di-Lapangan Kapal Terbang itu Sir Anthony di-sambut dengan penuh meriah oleh pembesar2 Negeri

Brunei, antara lain termasuk Yang Teramat Mulia Seri Paduka Jali Pengeran Bendahara dan Yang Berhormat Tuan British Resident J.C. Gilbert.

Gambar atas menunjukkan Tuan Yang Terutama itu sedang memeriksakan Barisan Kehormatan yang terdiri dari Pasukan Police Brunei. Dari kiri: Tuan Yang Berhormat British Resident, Tuan Yang Terutama sendiri dan A.S.P. Pengeran Jaya bin Pengeran Haji Rajid O.C.P.D., Brunei. - Gambar GBIS -

SAMBUTAN2 MERIAH PERSEMBAHAN PENDUDOK2 TEMBURONG UNTUK SULTAN

Gambar bawah menunjukkan satu kesenian Brunei telah sengaja di-tunjukkan untuk persembahan menyambut kedatangan DYMM Maulana Al-Sultan pada masa Baginda melawat ka-Bangar baharu2 ini.

- Gambar GBIS -



- sambongan dari muka 2 -

tekun pada tahun ini untuk kebahagiaan kita bersama pada masa akan datang. Biar-lah ketetapan kita untuk Tahun Baharu nanti, "Mari-lah kita berkerja keras untuk menchapai idaman, kewajipan dan tanggung jawab kita". Kalau saya tidak silap kamu semua akan mengikuti ketetapan ini.

Terima-lah ucapan Selamat Tahun Baharu dari saya dan saya berdo'a semoga tahun akan datang akan memberikan kamu kesihatan, kekayaan dan kesenangan.

2. UCHAPAN BRITISH RESIDENT:

Sa-kali lagi kita memasoki ka-pintu garbang Tahun Baharu dan saya ingin menyampaikan kepada orang ramai sekalian selamat berbahagia, bergembira kema'moran bagi tahun baharu yang kita hadapi ini.

Tahun baharu 1958 ada-lah tahun yang kelima bagi rancangan perkembangan Negeri Brunei. Saya dengan tulus ikhlas mengharap kerja sama dan sumbangan dari tuan2 sekalian, dengan itu maka kita akan menchapai ka-arrah maju jaya untuk persiapan dan memuaskan, sabagaimana yang telah kita rancangkan pada tahun 1953.

Juga saya berharap pada tahun ini dapat-lah kita :
- melihat bahawa Duli Yang Maha Mulia akan menjalankan segala tugas2 serta chadangan2-nya ke rana perlambaga'an baru bagi Negeri Brunei, yang mana kita harap dan perchaya akan menjadi satu asas Kerajaan Democratic yang chergas bagi Negeri dan Rakyat Brunei pada masa yang akan datang. Jika sekira-nya di-antara kita yang bersangka sama ada perlambaga'an ini akan berjalan dengan jaya-nya maka saya pinta dari tuan2 sekalian supaya bertenang dan memberi peluang supaya dapat berjalan dengan baik bagi membektikan-nya.

Saya ingin menguchapkan terima kaseh kepada sekalian orang ramai di-atas kerja sama mereka yang telah mereka berikan pada tahun yang lalu dan saya yakin bahawa kerja sama yang saperti itu akan di-beri lagi pada tahun yang kita hadapi ini.

Saya perchaya bahawa sekalian rakyat Brunei akan menyertai dengan saya untuk berdo'a mudah2 an Duli Yang Maha Mulia Al Sultan dan Yang Maha Mulia Raja Isteri, serta Putera Puteri Baginda dalam ke'ada'an sehat wal-'afiat dan berlebeh2 lagi pada tahun yang akan datang.

Sa-kali lagi saya ucapkan selamat berbahagia, ma'mor dan aman damai kepada tuan2 sekalian bagi tahun 1958.

--ooOoo--

- sambongan dari muka 4 -

Kelulusan yang di-kehendaki untuk memasoki peluang ini, tamat sakurang2 dalam Form Dua dari Sekolah Inggeris. Mereka2 terpilih akan di-beri latehan selama 3 tahun, dan sa-siapa terpilih akan mulai memasoki latehan tersebut mulai dari 10 hbl. February, 1958.

Segala permohonan hendak-lah ber'alamat kepada Matron, Rumah Sakit Kerajaan di-Bandar Brunei. Penerangan yang lanjut mengenai ini sila-lah berjumpa Matron tersebut.

MURID2 BARU DI- SEKOLAH2 INGGERIS KERAJA'AN BRUNEI

Pada tahun ini 219 orang kanak2 lelaki dan perempuan telah di-terima masok belajar di-beberapa buah sekolah2 Inggeris Kerajaan Brunei: di-SOAS College Brunei dan di-Anthony Abell College Seria. Murid2 ini terdiri dari sekolah2 Melayu dan China dan termasuk kanak2 yang tidak mendapat Derma Pelajaran Negeri Brunei. Mereka2 itu akan mulai belajar di-College2 tersebut pada awal bulan January, 1958.

Dari jumlah tersebut 86 orang kanak2 akan memasoki belajar di-SOAS College, di-Bandar Brunei; 56 orang di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, juga di-Bandar Brunei dan 77 orang kanak2 akan memasoki belajar di-Anthony Abell College di-Seria.

nya tidak berpeluang memasoki College2 ini pada tahun ini boleh-lah merayu kepada Pengurus Jawatan Kuasa Derma Pelajaran melalui guru besar tempat anaknya belajar.

Keputusan yang di-berikan oleh Jawatan Kuasa Derma Pelajaran adalah keputusan yang muktamad.

Sharat2 Yang di-berikan:-

---ooOoo---

1. Tiap2 orang murid hendak-lah menyatakan diri kepada tuan2 pengetua College yang mereka hendak masoki pada bulan January, 1958.
2. Murid2 itu hendak-lah menunjukkan Surat Beranak-nya atau Surat Sumpah Beranak-nya kepada tuan2 pengetua tersebut.
3. Selama 3 tahun kanak2 yang di-terima belajar di-College2 ini, jika didapati tidak lulus dalam kursus yang di-berikan itu maka mereka akan di-hantarkan balek belajar di-sekolah rendah.
4. Ibu bapa atau penjaga kanak2 hendak-lah menjamin bahawa sa-sa-orang yang di-terima masok belajar di-College2 Kerajaan yang tersebut itu, akan menghabiskan kursus-nya serta patuh kepada peratoran2 College2 di-mana ia belajar.

Peluang telah di-berikan kepada ibu bapa yang anak-

LAWATAN SULTAN KA-TUTONG

DYMM Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah melangsungkan lawatan-nya yang rasmi kali yang kedua keluar Bandar, ka-Daerah Tutong, di-Pekan Tutong pada Hari Ahad, 29 hbl. December, 1957. Lawatan-nya kali yang pertama ialah ka-Daerah Temburong di-Pekan Bagar.

Saperti di-Pekan Bangar juga ketiba'an Sultan di-Tutong tidaklah kurang-nya mendapat sambutan yang chukup meriah dan sachara besar2an. Ketiba'an Baginda itu telah di-alu2kan oleh antara lain, Tuan Yang Mulia Pegawai Daerah Tutong, Pengeran Haji Abu Bakar.

Sabagaimana di-Pekan Bangar, di-Tutong Baginda juga telah melafadzkan titah-nya yang panjang lebar dan yang bertujuan serupa, setelah sharahan2 terdahulu dari Baginda di-ucapkan.

Pada keluaran Pelita Brunei yang akan datang kita berharap akan dapat menyiarkan titah Baginda yang penoh untuk tatapan sidang pembacha sekalian yang budiman. Titah tersebut ada-lah yang di-lafadzkan di-wasa lawatan Baginda ka-Daerah Temburong dan Tutong.

X GURU2 PELATEH YANG BERPELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN MERKA

Pada tahun ini seramai 34 orang guru2 pelateh telah berpeluang melanjutkan pelajaran mereka di-beberapa pusat latehan guru2 di-BTTC, Brunei; di-Kent College, Borneo Utara dan di-SITC, Malaya. Guru2 tersebut terdiri dari lelaki dan perempuan, dan dari beberapa sekolah2 Melayu Negeri Brunei.

Terpilih-nya mereka ini ia-lah setelah mereka lulus dalam satu peperiksa'an memasuki pusat2 latehan guru2 yang telah di-langsungkan baharu2 ini ia-itu pada 14 hbl. November, 1957. Sebelum-nya mereka ini dapat di-daftarkan memasuki pusat2 latehan yang mereka tuju nanti mereka terpaksa terlebih dahulu mendapat kelulusan dalam peperiksa'an Doctor.

Guru2 yang akan memasuki menuntut di-Brunei Teachers Training Centre ia-lah: Azahari bin Haji Apong, dari Lela Menchanai; Abd. Kadir bin Haji Tahir, dari SMJA; Baba bin Arshad, dari Sungai Hanching; Md. Din bin Pgn Haji Untong, dari Md. Alam, Seria; Md. Shah bin Ahmad, dari Rampayoh; A.Md. Yusuf bin Amp. Judah, dari Berakas; Shahbudin bin Paya, dari Layang; Sulaiman bin Abd. Latif, dari Kiudang; Hambali bin A. Tengah dari SMJA; Mohammad bin Abdullah, dari Lumapas; Ahmad bin Serudin dari SMJA; Masri bin Salleh, dari SMJA; Ibrahim bin Abdul Ghafar, dari SMJA; Judin bin Metali, dari Bangar; Ahmad bin Husain, dari Sungai Hanching; Ibrahim bin Haji Misir, dari Lela Menchanai; Umar Ali bin Esong, dari Lumapas; Azahari bin Iradat, dari Md. Alam, Seria; A. Mohiddin bin Amp. Adul, dari Lela Menchanai dan Bolhassan bin Abd. Rahman, dari A. Tajuddin, Kuala Belait.

Guru2 yang akan memasuki menuntut di-Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, Malaya ia-lah: Mohd. Noor bin Chuchu dari SUAS, Muara dan Awang Tengah bin Abdul Latif, dari Labi, Kuala Belait.

Guru2 yang berpeluang menuntut di-Kent College, Borneo Utara ia-lah: Dk. Fatmah binte Pgn. Puteh, dari RIF, Brunei; Dk. Saifah binte Pgn. Wahid, dari RIF, Brunei; Jamaliah binte Abu Hanifah, dari Muda Hashim, Tutong; Salmah binte Abd. Kadir, dari Rambai, Tutong; Dk. Sa'erah binte Pgn. Ahmad, dari OKSB, Kilanas, Brunei dan Rafi'ah binte O.K.S.N. Safar, dari Penanjong, Tutong.

Selanjut-nya di-beritakan bahawa guru2 tersebut ada-lah yang menuntut di-Kent College kesemua-nya perempuan, manakala yang di-SITC dan BTTC kesemua-nya guru2 lelaki.

KENYATA'AN RASMI BERKENA'AN DENGAN HUTAN SIMPAN BATU APOI

Mulai dari hari ini ia-itu 1 hbl. January, 1958 bahagian dari Hutan Simpan Batu Apoi akan tidak lagi menjadi Hutan Simpan, ia-itu saperti yang berikut:

NAMA: BAHAGIAN DARI HUTAN SIMPAN
DI-BATU APOI

DAERAH: TEMBURONG

LUAS-NYA: 77,00 EKAR

KENYATA'AN: SEMUA BAHAGIAN ITU
LETAK-NYA DI-ANTARA BATU
APOI DARI SEMPADAN UTARA
BAHARU*.

*Sempadan itu mulai dari Kuala Sungai Belalong dan Sungai Temburong mengikut Pematang Utara dari Sungai Temburong ka-arrah Timor ka-Sempadan Brunei/Sarawak.

--ooOoo--

Pembetulan Salah Faham terhadap

UNDANG2 BERZENAH

Pejabat Kadzi Besar Negeri Brunei menyatakan bahawa perasa'an salah faham telah disampaikan ka-Pejabat Kadzi berkena'an dengan Kesalahan Berzenah menurut Undang2 Sharaiah No. 20 tahun 1955 fasal 177 para 4 yang berbunyi saperti berikut: Siapa2 yang di-dapati salah berzenah di-hukom penjara selama "ENAM BULAN ATAU DENDA \$500.00" yang mana telah di-jalankan kuat kuasa-nya atas satu kesalahan yang berthabit dengan undang2 itu baharu2 ini. Dalamana orang2 yang di-dapati salah itu telah di-jatuhkan hukuman penjara atau denda saja mengikut maksud undang2 tersebut. Terdahulu dari itu satu kesalahan yang sama telah di-dapati yang mana orang2 yang berthabit dengan kesalahan itu telah di-jatuhkan hukuman penjara dan juga di-kenakan denda, erti-nya mereka menerima kedua hukuman sekali.

Di-sini-lah letak-nya salah faham dan perasa'an ta' puas hati itu, untok menerangkan salah faham itu Kadzi Besar Brunei menyatakan perbeza'an hukuman atas satu kesalahan yang sama itu adalah di-sebabkan perselisihan maksud bunyi undang2 tersebut. Pada permula'an undang2 itu di-kuatkuasakan undang2 itu berbunyi: Siapa2 yang di-dapati salah berzenah boleh di-hukom penjara selama 6 bulan DAN denda \$500. Dengan ayat penjara DAN denda itu-lah maka orang bersalah mula2 itu menerima hukuman-nya. Dengan sebab ini-lah juga maka ayat undang2 itu telah di-betolkan; perkata'an DAN di-ganti dengan ATAU, maksud-nya Penjara ATAU Denda, dari itu hukuman yang telah di-jatuhkan baharu2 ini bukan-lah erti-nya dari kehendak hakim yang menghukomkan itu.

MENUNTUT DI-IPOH, MALAYA

Keraja'an Brunei mulai tahun ini menghantar seramai 6 orang murid2 untok belajar di-Sekolah Secondary Melayu Kerajaan, di-Ipoh, Malaya.

Murid2 yang beruntung itu telah lulus dalam Darjah VI dari Sekolah Melayu Sultan Mohamad Jamal-ul 'Alam, Brunei.

Ke-enam2 mereka itu ia-lah: Mohamad bin Genok, Jali bin Tamin, Abd. Morni bin Tengah, Basir bin Metali, Nor-niah bin Lawing dan Ahmad bin Ibrahim.

KELAPASAN 'AWAM NEGERI BRUNEI

Di-bawah ini kita siarkan hari2 kelapasan 'awam bagi tahun 1958, negeri Brunei. Hari2 kelapasan yang jatuh pada Hari Juma'at hanya akan mendapat perhatian oleh Daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Temburong.

Tahun Baharu Masihi	Hari Rabu, 1 hbl. January.
Me'raj	Hari Ahad, 16 hbl. February di-ganti dengan Hari Ithnin, 17 hbl. February.
Tahun Baharu China	Hari Thalatha, 18 dan Rabu, 19 hbl. February.
Good Friday	Hari Juma'at, 4 dan Sabtu, 5 hbl. April.
Hari Raya Puasa	Hari Ithnin, 21 dan Thalatha, 22 hbl. April.
Hari Kebebasan	Hari Thalatha, 10 hbl. June.
Hari Jadi Queen	Hari Khamis, 12 hbl. June.
Hari Raya Haji	Hari Juma'at, 27 dan Ahad, 29 hbl. June di-ganti dengan Hari Sabtu, 28 dan Hari Ithnin 30 hbl. June.
Tahun Baharu Islam (1 hbl. Moharram)	Hari Juma'at, 18 hbl. July di-ganti dengan Hari Sabtu 19 hbl. July.
Mandi Safar	Hari Rabu, 27 hbl. August.
Maulud Nabi	Hari Juma'at, 12 hbl. Sept. di-ganti dengan Hari Sabtu, 13 hbl. Sept.
Hari Lahir DYMM	Hari Thalatha, 23 hbl. Sept.
Hari Christmas	Hari Khamis, 25 hbl. dan Sabtu, 27 hbl. December, ganti Hari Juma at. 26 hbl.)

Hari2 kelapasan Islam mungkin akan mendapat perubahan

- o o O o o -

ANTHONY ABELL COLLEGE

Atas chadangan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, maka Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei telah bersetuju menamakan Sekolah Inggeris Kerajaan di-Seria menjadi "ANTHONY ABELL COLLEGE", Seria.